

Dasar Privasi

Kami, **Commercial Marketers & Distributors Sdn Bhd [No. Syarikat: 197801005300 (42316-T)]**, ahli gabungan British American Tobacco (Malaysia) Sdn Bhd, menghormati privasi individu-individu berkenaan dengan data peribadi dan komited untuk melindungi pengguna dan pelanggan kami (secara kolektifnya, "**Pengguna**") dan berusaha untuk menyediakan pengalaman pengguna yang selamat dan terkawal.

Sila baca bahagian ini dengan teliti kerana bahagian ini adalah 'Dasar Privasi' (juga dikenali sebagai Notis Privasi) kami untuk memaklumkan anda, sebagai subjek data amalan-amalan privasi kami, cara maklumat anda dikumpul dalam talian, cara maklumat tersebut digunakan dan cara kami berkongsi, memindahkan dan melindungi maklumat tersebut dan pilihan-pilihan anda yang tersedia untuk mengakses atau mengehendkan akses kami kepada maklumat tersebut.

Perkara berikut mendedahkan amalan pengumpulan dan penyebaran maklumat untuk aplikasi mudah alih yang dibuat dan/atau dimiliki oleh Commercial Marketers & Distributors Sdn Bhd yang disediakan untuk anda (secara kolektifnya, "**Laman Web**").

Sebarang pindaan material kepada Dasar Privasi ini akan diterbitkan di laman web kami (<https://bat-one.com>) atau apa-apa cara lain yang tersedia sebagaimana yang sesuai. Sekiranya anda terus melantik kami untuk menyediakan perkhidmatan kami kepada anda, anda akan dianggap telah menerima pindaan tersebut.

a) Maklumat anda yang dikumpul oleh kami dan cara kami menggunakan maklumat anda

Apabila anda melawati laman web kami, anda mengakui bahawa Commercial Marketers & Distributors Sdn Bhd dan mana-mana syarikat pegangannya, subsidiari atau syarikat berkaitan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 dan penyedia perkhidmatan, ejen dan kontraktor yang menyediakan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("**Pihak Ketiga yang Dibenarkan**") (secara kolektifnya, "**Penganjur**" atau "**kami**") untuk memproses maklumat peribadi anda yang diberikan dalam borang ini.

Maklumat Peribadi

Maklumat peribadi anda yang dikumpul termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat e-mel dan maklumat lain anda.

Maklumat Peranti

Kami juga mengumpul maklumat tertentu tentang peranti anda, termasuk maklumat tentang penyemak imbas (*browser type*), alamat Internet Protocol (IP), zon masa dan beberapa kuki (*cookies*) yang dipasang pada peranti anda. Kuki ialah fail kecil yang diletakkan pada komputer anda apabila anda melawati Laman Web. Kuki boleh digunakan untuk menyimpan nombor pengenalan unik yang terikat pada komputer atau peranti anda supaya anda boleh dikenali sebagai pengguna yang melayari satu

atau lebih Laman Web. Kuki mempunyai banyak tujuan yang berguna. Sebagai contoh:

- a) Kuki boleh mengingat butiran log masuk anda supaya anda tidak perlu memasukkan butiran tersebut setiap kali anda melawat sesebuah Laman Web.
- b) Kuki boleh membantu kami dan Pihak Ketiga Yang Diberi Kebenaran memahami bahagian yang paling popular dalam Laman Web kami kerana kuki membantu kami memantau laman dan fungsi yang diakses oleh pengguna dan tempoh yang diluahkan oleh pengguna dalam Laman Web. Dengan mengkaji maklumat sedemikian, kami akan dapat menyesuaikan Laman Web kami dan menyediakan pengalaman yang lebih baik kepada anda.
- c) Kuki membantu kami dan Pihak Ketiga yang Dibenarkan memahami iklan yang anda telah lihat supaya anda tidak menerima iklan yang sama setiap kali anda melawati Laman Web kami.

Kebanyakan pelayar menerima kuki secara automatik, tetapi boleh dikonfigurasi untuk tidak berbuat demikian atau untuk memberitahu pengguna apabila kuki dihantar. Kuki tidak menyimpan data anda secara kekal dan ia juga tidak disimpan pada cakera keras komputer anda. Kuki akan dipadamkan sebaik sahaja anda menutup pelayar anda. Jika anda ingin membatalkan fungsi kuki, sila rujuk kepada menu bantuan pelayar anda untuk mengetahui cara untuk membuat demikian. Jika anda membatalkan fungsi kuki, ia mungkin akan *mengganggu fungsi Laman Web kami*.

Kami memproses maklumat peribadi anda dengan menzahirkan maklumat peribadi anda dalam komunikasi syarikat, memberikan anda maklumat yang anda minta atau membalas pertanyaan anda, atau memproses data peribadi anda untuk tujuan borang ini.

Kami hanya menyimpan maklumat anda selama yang diperlukan. Kami hanya akan mengekalkan data peribadi anda selama sekurang-kurangnya 3 bulan selepas anda bersetuju menerima Terma & Syarat.

b) Dengan siapa kami berkongsi maklumat anda?

Kami berkongsi maklumat-maklumat peribadi anda dengan cara-cara berikut:

- Dari semasa ke semasa maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan kepada entiti kami yang lain di seluruh dunia atau kepada ejen-ejen pihak ketiga kami, wakil atau pembekal kami untuk tujuan berkenaan dengan penyerahan borang.
- Kami mungkin menzahirkan maklumat peribadi anda untuk: (i) menjawab permintaan maklumat yang dibenarkan dengan sewajarnya daripada pihak polis dan pihak berkuasa kerajaan; (ii) mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, sepina atau perintah mahkamah; (iii) membantu mencegah penipuan atau untuk menguatkuasakan atau melindungi hak dan harta kami atau jika berkenaan, anak-anak syarikat kami; atau (iv) melindungi

keselamatan peribadi pekerja-pekerja kami, ejen pihak ketiga atau orang awam.

- Keadaan yang mungkin timbul di mana kami memutuskan untuk menjual, membeli, bergabung atau menyusun semula perniagaan di beberapa negara-negara, sama ada atas sebab strategik atau perniagaan lain. Transaksi sedemikian mungkin melibatkan penzahiran maklumat peribadi anda kepada bakal pembeli atau pembeli sebenar, atau penerimaannya daripada penjual. Amalan kami adalah untuk mendapatkan perlindungan yang sesuai untuk maklumat peribadi dalam jenis transaksi ini.

Kami tidak berkongsi, menyewa atau menjual maklumat anda kepada pihak ketiga untuk tujuan pemasaran atau promosi.

c) Ketepatan maklumat anda dan hak-hak anda

Kami berusaha untuk memastikan maklumat peribadi anda direkodkan dengan tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemas kini. Dengan memberikan maklumat peribadi anda kepada kami, anda membenarkan kami memproses maklumat peribadi anda mengikut Dasar Privasi ini, dan anda mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi yang diberi oleh anda adalah tepat dan lengkap, dan tiada satu pun daripadanya mengelirukan atau ketinggalan zaman.

Jika dinyatakan, anda adalah diwajibkan untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami untuk memproseskan permohonan anda. Sekiranya anda menolak untuk memberikan maklumat peribadi wajib tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda.

Tertakluk kepada hak kontrak kami dan tanggungjawab kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan, anda boleh membuat pilihan berkenaan dengan penggunaan atau had penggunaan maklumat peribadi anda.

Anda mempunyai hak untuk mendapatkan salinan maklumat yang kami pegang tentang anda dan/atau meminta kami untuk tidak memproses maklumat anda (atau tidak menyerahkan maklumat anda kepada pihak ketiga). Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang cara kami memproses maklumat peribadi anda, atau ingin salinan maklumat anda, atau ingin kami membetulkan sebarang maklumat yang tidak tepat, mengelirukan atau tidak lengkap, atau ingin maklumat itu disekat atau dipadamkan daripada rekod kami, sila hubungi kami mengikut butiran di bawah:

Nama: Artists Colony Sdn Bhd

Alamat: Unit 30-1, Oval Damansara, 685, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur

Laman Web: www.colony.com.my

No. Telefon: 03- 27805157

Emel: Digital@colony.com.my

d) Bagaimanakah kami memastikan maklumat peribadi anda adalah selamat?

Kami mengambil langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan, penyalahgunaan, pengubahan atau penzahiran menyalahi undang-undang maklumat yang anda memberikan kepada kami. Mana-mana pihak ketiga, ejen atau wakil kami yang memerlukan akses kepada maklumat anda juga dikehendaki melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang munasabah untuk melindungi maklumat anda.

Adakala kami mungkin mengekalkan Pihak Ketiga yang Dibenarkan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak Ketiga yang Dibenarkan itu terikat secara kontrak untuk mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan maklumat peribadi anda selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa-apa cara selain daripada tujuan peraduan ini.

Kami tidak akan menjual atau menyewa maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga. Kecuali perkara yang diperuntukkan dalam Dasar Privasi ini, kami tidak akan menzahirkan maklumat peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran anda.

e) Ke mana kami memindahkan maklumat anda?

Maklumat anda yang dikumpulkan oleh kami melalui laman web ini mungkin dipindahkan ke negara lain bagi pemprosesan, penyimpanan atau penggunaan selanjutnya mengikut Dasar Privasi ini. Pemindahan mungkin berlaku antara ahli gabungan kami termasuk pelanggan dan pembekal mereka. Sila jangan menghantar atau memberikan apa-apa maklumat anda kepada kami jika anda tidak mahu ia dipindahkan atau disimpan melalui cara yang telah dinyatakan.

Mana-mana pihak ketiga, ejen atau wakil kami yang mengimport maklumat peribadi semasa menyediakan perkhidmatan kepada kami adalah dikehendaki untuk merahsiakan maklumat tersebut dan mematuhi undang-undang perlindungan data negara atau, jika berkenaan, terikat dengan kewajipan kontrak yang melindungi maklumat peribadi anda.